

Kepemimpinan beradab faktor kemenangan BN

BH-2/4/2004, m/s: 15

Oleh Malik Munip

KEPUTUSAN pilihan raya tidak pernah seragam dan keputusan pilihan raya umum kali ini menunjukkan sokongan orang Melayu terhadap Umno telah berjaya dipulihkan. Ini sekali gus menyangkal dakwaan Pilihan Raya Umum 1999 menunjukkan ada perpecahan yang asas dan kekal dalam masyarakat Melayu kerana perbezaan pendapat mengenai hubungan antara Islam dengan pembangunan negara dan ummah.

Selain itu, kemenangan besar Barisan Nasional (BN) juga dapat meredakan kebimbangan banyak pemerhati mengenai politik Pas yang kelihatan tidak sihat untuk masyarakat Malaysia yang plural.

Pilihan raya amat penting kerana ia mencerminkan apa yang berlaku dalam sesebuah masyarakat secara individu dan kolektif. Harapan sesebuah masyarakat, perasaannya, cita-citanya, pergolakan, konflik dan kekeliruan yang berlaku di dalamnya, semuanya secara tersirat dan tersurat akan terserlah dalam pemuangan undi.

Tambahan pula setiap pilihan raya itu adalah gabungan isu-isu semasa mengikut musim, dengan isu-isu dasar seperti perjuangan asas sesebuah parti yang tidak banyak berubah. Ini lumrah dan menjelaskan mengapa keputusan pilihan raya sentiasa berubah.

Namun julat dan takut perubahan sentimen yang berlaku dalam masyarakat Melayu dalam masa satu dekad ini, terutamanya di Kedah, Kelantan dan Terengganu, banyak menimbulkan persoalan.

Pada 1995, BN dan Umno telah mendapat keputusan yang baik, tetapi empat tahun kemudian, sebahagian daripada sokongan itu beralih kepada Pas. Sebaliknya pada 2004, ia dengan begitu jelas diamankan semula kepada Umno.

Keputusan pilihan raya itu memberi gambaran seolah-olah cita rasa politik orang Melayu begitu fleksibel, tetapi undi mereka hanya beralih antara dua entiti politik Melayu iaitu Umno dan Pas.

Namun, ini bukan hubungan dua hala yang sekata. Prestasi Pas akan dipengaruhi oleh kelemahan Umno tetapi tidak sebaliknya kerana prestasi Umno akan ditentukan oleh Umno sendiri.

Keputusan pilihan raya 2004 yang begitu cemerlang untuk Umno adalah hasil daripada usahanya untuk mengatasi segala kelemahan yang dikatakan menjadi punca prestasi pilihan raya 1999 yang menurun.

Justeru, untuk memahami kejayaan pilihan raya 2004 dan memastikan sokongan itu berterusan, kita perlu mengenal pasti punca keputusan pilihan raya 1999 begitu mengecewakan.

Beberapa persoalan harus dijawab. Adakah keputusan 1999 itu adalah satu kejadian tersendiri atau disebabkan oleh daya penarik perjuangan Pas? Mungkinkah ketika itu rakyat tiba-tiba 'lebih Islam' dan tertarik dengan tafsiran Islam ala Pas?

Adakah pemuangan undi Melayu lebih banyak dipengaruhi isu semasa sehingga boleh menaik turunkan kerajaan? Apakah yang ada pada kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang memansuhkan daya penarik Pas?

Dari satu segi, kejayaan Umno pada pilihan raya lalu membuktikan bahawa prestasi Pas pada 1999 tidak bersifat tulen, iaitu ia bukan menunjukkan bahawa orang Melayu semakin tertarik kepada perjuangan Pas atau tafsiran mereka mengenai Islam.

Membawa isu-isu enteng seperti habuan syurga neraka dan mementingkan kulit lebih daripada isi memang sudah menjadi adat resam politik Pas sejak turun-temurun dan lazimnya tidak mendapat tempat di hati orang Melayu, termasuk pada tahun 70-an dan 80-an yang mana jumlah orang Melayu yang kurang pendidikan formal lebih ramai.

Orang Melayu juga sedar bahawa Pas adalah parti yang lebih bersifat reaktif - hanya mampu

mengkritik sesuatu dasar atau rancangan kerajaan tanpa menawarkan sebarang alternatif mereka sendiri. Dalam lain perkataan, mereka sebuah parti yang tiada program sendiri, sama ada dalam bidang ekonomi, pendidikan, sains mahu pun pembangunan sosial dan hubungan antara kaum.

Malah, dalam bidang agama pun tiada alternatif komprehensif yang ditawarkan mereka. Umpamanya gagasan Negara Islam yang diwarwarkan juga sangat kabur. Ia lebih kepada retorik lama yang tidak pernah diperjelaskan secara terperinci sama ada daripada segi konsep atau pelaksanaannya.

Pada hakikatnya, program Islam Pas lebih kepada iklan politik semata-mata dan bukannya satu perjuangan siasah yang lengkap.

Adalah menjadi prasyarat untuk mana-mana parti yang ingin menjadi alternatif kepada Umno dan BN mempunyai rancangan yang jelas mengenai pentadbiran negara. Tiada satu kaum yang boleh mentadbir negara ini secara bersendirian tanpa sokongan kaum lain.

Dalam konteks ini, Pas tiada formula perkongsian kuasa bahkan hendak mengagihkan kerusi pilihan raya pun sukar. Jarang sekali program yang mereka sarankan kepada orang Melayu yang tidak menimbulkan keresahan bukan Melayu.

Hakikat negara kita mempunyai pelbagai kaum dan sensitiviti seolah-olah tidak diambil kira oleh Pas - segala tuntutan yang dibuatnya menyisih kaum lain serta melahirkan satu imej Islam yang menggerunkan.

Ada sesetengah penyokong Pas yang merasakan bahawa keengganan parti itu untuk berkompromi adalah bukti kesetiaan dan keikhlasan Pas terhadap apa yang mereka perjuangkan.

Tetapi realiti kehidupan masyarakat majmuk di negara kita ialah tidak ada mana-mana kelompok atau kaum yang mampu memperoleh 100 peratus apa yang ia kehendaki.

Adalah mudah untuk Pas membuat tuntutan secara mutlak jika mereka tidak perlu mengendahkan perasaan serta pendapat kaum lain, tetapi adalah mustahil untuk membangunkan negara jika tidak ada kepercayaan dan kerjasama di antara kelompok yang berbeza-beza dalam masyarakat.

Bagaimanapun, Pas mendapat banyak imbuhan politik pada 1999 bukan kerana orang Melayu tertarik kepada perjuangannya, tetapi keupayaan mereka mengeksploitasi beberapa kelemahan dalam Umno. Ia tiada kena mengena dengan perbezaan pendapat mengenai Islam yang dibuktikan dengan keputusan pilihan raya 2004.

Jika sokongan orang Melayu kepada Pas pada 1999 bersifat tulen, ia tidak mungkin terhakis dalam masa lima tahun. Prestasi cemerlang Pas pada 1999 bukan kerana Pas kuat, tetapi kerana Umno lemah.

Di antara kelemahan Umno ialah kekurangan idealisma yang dizahirkan oleh politik wang, kesombongan dan sifat riak ahlinya serta keengganan untuk mendengar pendapat orang lain. Persepsi orang ramai juga ialah Umno hanya memberi penumpuan kepada golongan tertentu saja seperti golongan korporat dan pemegang jawatan dalam parti.

Persepsi ini jauh sekali berbeza dari tujuan penubuhan Umno yang mana ia mencerminkan aspirasi keseluruhan bangsa Melayu yang disingkap oleh cogan katanya 'untuk agama, bangsa dan tanah air'. Dalam bahasa mudah, Umno ibarat keluarga besar masyarakat Melayu, wadah di mana semua golongan di dalamnya berbincang, bertukar pendapat, mengadu masalah mereka dan menganjurkan penyelesaian.

Sebaliknya, Umno pada dekad 90-an telah menjadi mangsa kejayaannya sendiri atau 'a victim of its own success'. Untuk memahami perkara ini, kita kena berpaling sedikit kepada sejarah orang Melayu kerana segala dilema dan harapan orang Melayu akan dicerminkan oleh parti mereka iaitu Umno.

Kita harus faham bahawa perjuangan Umno

pada peringkatnya yang paling asas, daripada awal hingga sekarang, adalah perjuangan untuk menebus maruah Melayu. Walaupun Melayu adalah masyarakat induk negara ini, untuk tempoh yang begitu lama hakikat itu tidak mempunyai makna.

Melayu adalah satu masyarakat yang sinonim dengan kedaifan. Apabila kita daif daripada segi material lazimnya kita juga akan tertinggal daripada segi ilmu, keyakinan dan harga diri.

Pendek kata, kedaifan yang begitu lama, telah menjadikan orang Melayu merasakan dirinya tiada maruah dan budaya yang ia warisi turun temurun tiada nilai. Perasaan hina ini telah dipertingkatkan lagi oleh kehadiran begitu ramai orang bukan Melayu yang kaya.

Maka, adalah tidak menghairankan jika melepaskan diri dari cengkaman kedaifan telah menjadi obsesi orang Melayu. Hanya dengan cara itu mereka dapat menebus kembali maruah dan ini menjelaskan kenapa penebusan maruah Melayu yang diperjuangkan Umno itu begitu tertumpu kepada aspek ekonomi.

Malangnya, secara tidak sengaja, penumpuan berdekad terhadap bidang ekonomi ini telah melahirkan satu mentaliti kebendaan yang tiada tara di kalangan sesetengah ahlinya.

Umno bukan dilihat sebagai badan siasah untuk menyemai bakti kepada orang lain, tetapi sebagai tempat untuk mendapat habuan untuk diri sendiri - pembabitan mereka dalam Umno telah menjadi songsang. Mereka tidak lagi berfikir apa yang boleh mereka sumbangkan kepada Umno, tetapi apa yang Umno boleh buat untuk mereka.

Maka, keinginan untuk mendapatkan kemewahan material telah menjadi pendorong pembabitan mereka dalam Umno. Fenomena ini telah menular pada 1990an dan hangat diperkatakan dalam media massa dan Perhimpunan Agung Umno.

Keikhlasan dan sifat amanah - dua ramuan yang terpenting untuk kejayaan mana-mana organisasi politik semakin terhakis. Ketandusan idealisma yang sedang meresap dalam Umno itu telah menimbulkan kesangsian Melayu. Ini kerana lazimnya, orang Melayu adalah satu bangsa yang amat menitik beratkan adab dan moral.

'Biar putih tulang, jangan putih mata' atau 'Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama' adalah antara kata-kata keramat yang menyingkap kedudukan adab dan moral dalam sistem nilai Melayu.

Secara tidak sengaja penumpuan terhadap aspek ekonomi itu juga telah melahirkan satu lagi kesan sampingan yang negatif. Secara tidak disedari, beberapa golongan yang menjadi penyokong tradisi Umno telah merasakan diri mereka tersisih. Di antaranya ialah golongan guru, tokoh agama, akademik, budayawan dan birokrat.

Mereka ini semua adalah 'opinion makers' dalam masyarakat Melayu. Mereka merasakan sumbangan mereka tidak dihargai dan mereka tidak mempunyai tempat dalam Umno. Malah, ada ahli Umno yang mencemuh sumbangan dan kepakaran mereka. Umno yang telah begitu berjaya menjadi bongkak dan angkuh.

Jadi, kalau dapat disimpulkan, dekad 90-an telah menyaksikan semakin ramai penyokong tradisional Umno merasakan diri mereka tersisih. Keadaan Umno ini dirumitkan pula oleh kredibiliti moral Umno yang semakin dipersoalkan.

Masalah yang melanda Umno itu bukan masalah baru, tetapi orang Melayu belum lagi menterjemahkannya ke dalam bentuk undi sehingga 1999.

Kenapa? Kerana 'track record' pembangunan Umno yang begitu cemerlang menjadi sumber kebanggaan semua pihak. Hanya dalam aspek adab dan moral, Umno mempunyai sedikit masalah kredibiliti. Selagi tiada berlakunya krisis, orang Melayu sanggup tutup sebelah mata kepada kepincangan itu.

Malangnya, krisis ekonomi dan politik yang melanda negara pada 1997-99, telah memberi fokus baru kepada kelemahan itu. Secara kebetulan, kempen media antarabangsa ketika itu



KEPEMIMPINAN Abdullah (kanan) dan Najib diterima rakyat.

telah meletakkan isu moral iaitu rasuah, kronisme dan nepotisme, sebagai punca kegawatan ekonomi dan ini telah menyemarakkan lagi kesangsihan orang Melayu terhadap Umno.

Kredibiliti Umno pula semakin pasrah apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim mengambil kesempatan untuk menyambut tuduhan media asing itu dan melancarkan refomasinya. Orang Melayu tidak dapat lagi membezakan kekurangan peribadi sesetengah ahli Umno dengan perjuangan keramat parti itu.

Pembangkang telah berjaya mempamerkan kepincangan moral sesetengah ahli Umno sebagai kelemahan keseluruhan perjuangan Umno. Ini telah membuatkan segala keresahan orang Melayu yang sudah lama terpendam meletup. Cara paling efektif untuk mereka salurkan kemarahan itu adalah dengan mengundi Pas pada Pilihan Raya Umum 1999.

Pas menyangkakan bahawa kenaikan mendadak kerusi Parlimen dan negeri yang mereka peroleh sebagai tanda penerimaan meluas orang Melayu kepada perjuangan mereka. Mereka tidak sedar bahawa keputusan pilihan raya 1999 adalah satu undi protes kepada Umno.

Prestasi Umno yang begitu menurun pada pilihan raya 1999 itu adalah sesuatu yang mengejutkan. Umno tidak menyangkakan orang Melayu boleh menolak mereka dengan begitu hebat. Tetapi kekecewaan itu sebenarnya mengandungi berkat tersembunyi. Sejurus selepas kekalahan itu, Umno telah membuat beberapa perubahan untuk memenangi semula keyakinan orang Melayu.

Umpamanya, Puteri Umno telah ditubuhkan untuk menarik minat dan sokongan golongan wanita Melayu muda yang mengalami kesukaran untuk memainkan peranan melalui saluran am Umno.

Penerangan Umno juga telah diperkasakan dengan penubuhan Jawatankuasa Penerangan Pusat Umno yang menjemput orang Melayu dari pelbagai kepakaran, untuk membincangkan cara untuk memulihkan sokongan masyarakat Melayu kepada Umno.

Kesungguhan Umno untuk membanteras masalah politik wang pula telah ditangani dengan penubuhan Lembaga Disiplin Umno yang bertanggungjawab untuk menyalut segala aduan mengenai rasuah di dalam Umno dan menghukum mereka yang bersalah. Ketegasannya dalam menjalankan tugas ini telah terbukti pada pilihan raya peringkat bahagian Umno pada 2001.

Semua usaha ini memainkan peranan untuk memulihkan sokongan terhadap Umno. Tetapi faktor lebih penting yang membuatkan orang Melayu kembali kepada Umno ialah kenaikan pangkat Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri dan Pemangku Presiden Umno.

Kita harus sedar bahawa masalah utama Umno ialah kredibiliti moralnya. Tambahan pula masalah yang melanda masyarakat Melayu hari ini seperti peningkatan kes bunuh, rogol dan haruan makan anak, semuanya menunjukkan hakisan moral dan adab di dalam masyarakat Melayu.

Jika dulu masalah utama orang Melayu adalah kedaifan material, sekarang masalah di kalangan sesetengah orang Melayu pula ialah kedaifan moral. Oleh itu, kenaikan Pak Lah dengan latar belakang agamanya memang tepat pada waktunya.

Kredibiliti moral dan integriti Pak Lah tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapa dan disokong

pula oleh 'track record' beliau. Sejak menjadi ahli Parlimen pada 1978 sehingga sekarang, beliau tidak pernah berkompromi dengan prinsip dan integritinya, walaupun terpaksa mengalami kekalahan dalam mempertahankan jawatan Naib Presiden pada 1993.

Prestij moral dan agama Pak Lah yang sebegitu rupa sehinggakan ia melimpah juga kepada Umno secara keseluruhannya.

Tambahan pula, penekanan beliau mengenai betapa pentingnya integriti, moral dan sifat amanah telah diterjemahkan oleh dasar dan institusi yang beliau perkenalkan. Beliau mengarahkan penubuhan Institut of Public Ethics.

Selain itu, usaha memantau keberkesanan wakil rakyat pula akan dipermudahkan melalui penubuhan Indeks Etika dan Prestasi wakil rakyat. Bagi memulihkan integriti dan keberkesanan pihak polis, beliau telah menubuhkan Suruhanjaya Khas Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis.

Penyiasatan terhadap dua orang besar oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) pula telah meyakinkan rakyat bahawa semua orang adalah sama di sisi undang-undang tidak kira kedudukan individu itu.

Langkah-langkah untuk membetulkan persepsi golongan yang merasakan diri mereka tersisih daripada Umno pula telah bermula sejak beliau menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri lagi. Dalam Perhimpunan Agung Umno 2003, beliau telah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada golongan Umno yang tidak ber wajah tetapi memainkan peranan yang amat penting dalam kejayaan Umno selama ini.

Ini disusuli pula dengan pemilihan calon pilihan raya baru-baru ini yang mencerminkan dengan lebih seimbang masyarakat Melayu. Mereka terdiri daripada golongan akademik, tokoh agama, korporat sehingga peneroka Felda. Sekali gus mesej yang disampaikan oleh Pak Lah adalah setiap ahli Umno, tidak kira pangkat dan peringkat, adalah penting dan dihargai oleh Umno.

Pendek kata, dalam kehidupan nasional, Pak Lah telah memperkenalkan satu revolusi etika, terutamanya bagi mereka yang dipertanggungjawabkan untuk memegang amanah rakyat.

Penekanan beliau kepada golongan yang tersisih dalam aspek ekonomi, politik dan sosial serta pemilihan wakil rakyat dari segenap lapisan masyarakat bermakna pembangunan negara akan menjadi lebih komprehensif, adil dan saksama. Pak Lah telah menjemput semua golongan untuk turut terbabat dalam ibadat besar ini.

Sekali gus, Pak Lah telah meleraikan kesangsihan orang Melayu terhadap kredibiliti moral Umno dan meredakan kemarahan mereka. Hakikat ini telah dicerminkan oleh keputusan pilihan raya 2004.

Pengajaran dari kekecewaan 1999 adalah untuk sesebuah masyarakat yang beradab, manakala kekuatan sesuatu perjuangan itu terletak pada kesahihannya. Ia tidak memadai dengan sekadar mengisi perut mereka. Dalam kamus hidup Melayu yang begitu menekankan budi pekerti, adab, moral dan integriti, peranan seseorang pemimpin itu jauh lebih besar daripada sekadar seorang pentadbir. Beliau juga terpaksa memimpin adab masyarakat tersebut. Ini telah Pak Lah lakukan.

● Penulis adalah seorang sejarawan, bekas Ahli Parlimen dan bekas Ketua Umno Bahagian Muar, Johor.